

UMS akan mengambil alih bangunan Wisma Khidmat

Oleh JOHN TAMBANAN
johntambanan@yahoo.com

PENAMPANG: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengambil alih Wisma Khidmat untuk dijadikan bangunan fakulti perubatannya, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Hj Aman.

Selain itu, UMS juga akan menempatkan fasiliti yang menyediakan perkhidmatan klinikal kepada orang ramai di bangunan itu.

“Ianya akan menjalankan dua peranan iaitu berfungsi sebagai fasiliti kepada pelajar UMS dan menyediakan perkhidmatan klinikal kepada masyarakat,” katanya

“Sebagai alternatif kerajaan kini bekerjasama dengan UMS untuk mengambil alih tapak Wisma Khidmat untuk dijadikan sebagai sekolah perubatan dengan blok klinik yang turut dapat memberi perkhidmatan kepada masyarakat.”

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ AMAN
Ketua Menteri

kepada pemberita semasa melawat Wisma Perbadanan Pinjaman Sabah (PPS) di sini kelmarin.

Sebelum ini, kerajaan Sabah bercadang menyerahkan Wisma Khidmat kepada

Kerajaan Persekutuan untuk ditukar sebagai hospital bagi menampung keperluan selepas blok utama Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu ditutup setelah diisytihar tidak selamat pada Oktober 2008.

“Sebagai alternatif kerajaan kini bekerjasama dengan UMS untuk mengambil alih tapak Wisma Khidmat untuk dijadikan sebagai sekolah perubatan dengan blok klinik yang turut dapat memberi perkhidmatan kepada masyarakat,” katanya, sambil



AMBIL ALIH... Bangunan Wisma Khidmat yang akan diambil alih oleh UMS.

menyatakan semua kos perbelanjaan membaik pulih Wisma Khidmat ditanggung sepenuhnya oleh UMS.

Pada masa sama, katanya, kerajaan negeri memutuskan untuk membatu St John Ambulan melalui PPS untuk mewujudkan perkhidmatan kecemasan ambulans.

“Ini juga bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat, dengan harapan boleh membantu kepada mereka yang memerlukan bantuan,” katanya.

Musa berkata perkhidmatan kecemasan ambulan itu dijangka akan dapat beroperasi dalam tempoh sambilan, dan dengan adanya perkhidmatan ini diharap perkhidmatan kecemasan khususnya di Kota Kinabalu ini dapat dipertingkatkan.

Dalam pada itu, Musa berkata bahawa menara QEH yang disahkan tidak selamat oleh Kementerian Kesihatan akan dirobohkan bulan depan, bagi membolehkan bangunan baru didirikan.